

Pengendali. umrah jangan bimbang: **Hamid**

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Jami'ah Shukri

BH 16 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia akan mengadakan rundingan dengan kerajaan Arab Saudi jika syarikat pengendali umrah menghadapi kesukaran berikutan penguatkuasaan peraturan baru oleh kerajaan negara itu mulai bulan depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata kerajaan akan melakukan segala yang mampu bagi membantu syarikat pengendali umrah.

“Oleh itu, kita tidak perlu terlampau gundah kerana ia

boleh diuruskan, jika syarikat menemui sebarang kesukaran berhubung pengendalian jemaah, kita boleh rundingan dengan pihak Arab Saudi mengenainya,” katanya selepas majlis sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1421 Hijrah, di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah; Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdul Hamid mengulas kekhawatiran yang disuarakan syarikat pengendali umrah berikutan penguatkuasaan peraturan baru itu.

Persatuan Agensi Pelancongan (Bumitra) sebelum ini mendakwa penguatkuasaan peraturan baru itu boleh menjejaskan hampir 80 peratus daripada 150 agensi pelancongan yang mengendalikan umrah di negara ini.

Mengikut peraturan baru

yang diputuskan Kerajaan Arab Saudi, agensi pelancongan yang mengendalikan urusan umrah mulai musim ini diwajibkan menyediakan bank draf sekurang-kurangnya 100,000 riyal (RM97,000) sebagai jaminan sebelum diberi visa umrah.

Agensi berkenaan juga antara lain perlu menyediakan tiket pergi balik serta surat perjanjian dengan syarikat pengendali umrah di Arab Saudi.

Abdul Hamid berkata, peraturan baru yang diumumkan Kerajaan Arab Saudi itu juga

dikuatkuasakan terhadap semua negara di dunia, bukan terhad kepada Malaysia.

Beliau berkata, peraturan itu bertujuan memastikan kelancaran urusan jemaah umrah dan haji selain melindungi kepentingan ekonomi dan politik Arab Saudi.

Katanya, tindakan sebilangan jemaah umrah tinggal di sana melebihi tempoh visa menyebabkan masalah ekonomi serta keselamatan kepada Arab Saudi.

“Mereka tidak mahu orang teraniaya dan lihat yang da-

tang huat umrah dan haji terus tidak balik dan dan tinggal di sana... ini juga menyebabkan masalah ekonomi akibat pendatang asing,” katanya.